

08 SEP 2001

Ali-Islam

PAS SENGAJA TIDAK IKTIRAF MALAYSIA NEGARA ISLAM

MELAKA, 8 Sept (Bernama) -- Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri, Datuk Wira Mohd Ali Rustam, hari ini menyelar pemimpin Pas yang sengaja tidak mahu mengiktiraf Malaysia sebagai sebuah negara Islam.

Beliau yang juga anggota Majlis Tertinggi Umno berkata kenyataan Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor yang mencabar Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya mengumumkan secara rasmi di Parlimen bahawa Malaysia negara Islam memperlihatkan beliau "mudah lupa".

"Perdana Menteri beberapa kali telah menyebut Malaysia adalah negara Islam di Parlimen ketika perbahasan mahupun dalam ucapannya...mungkin dia (Fadzil Noor) tertidur hingga tidak mendengarnya," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan Puteri Umno negeri di Ayer Keroh di sini, hari ini. Turut hadir ialah Ketua Puteri Umno Azalina Othman Said dan Ketua Puteri Umno Melaka, Rosfinah Rahmat.

Katanya, kenyataan Fadzil itu sebagai menutup kelemahan Pas apabila Dr Mahathir mahukan parti itu menyenaraikan apakah yang dimaksudkan dengan negara Islam "ala-Pas".

Ketua Menteri berkata agenda Pas yang sentiasa mengkafirkan pemimpin dan anggota Umno menjadikan mereka lupa bahawa Malaysia kini telah menerima pengiktirafan sebagai negara Islam di kalangan negara-negara Islam di dunia.

"Mungkin pemimpin Pas lupa perlembagaan negara bahawa agama Islam adalah agama rasmi...kita juga menghormati agama-agama lain dan itulah yang menjadikan Malaysia harmoni tetapi Pas sememangnya mahukan negara sentiasa huru-hara," katanya.

Mengenai pelancaran Puteri Umno peringkat negeri, Mohd Ali percaya ia adalah kesinambungan perjuangan Umno bagi memertabatkan agama, bangsa dan negara di samping membela nasib golongan remaja Melayu.

"Puteri Umno mampu menjadi saluran bagi golongan remaja untuk membentuk jati diri selaras dengan perjuangan Umno bagi mempertahankan agama, bangsa dan negara," katanya.

Beliau berkata inilah perjuangan Umno untuk memastikan kemakmuran dan keamanan terus dikecapi di semua peringkat rakyat supaya ia dapat mengwujudkan bangsa Malaysia yang bersatu.

Azalina ketika berucap pada majlis itu berkata Puteri Umno di semua peringkat perlu bekerja keras untuk menarik seberapa ramai penyertaan golongan remaja menyertai pertubuhan itu.

"Masalah yang dihadapi ialah kebanyakan remaja di kawasan luar bandar tidak mendaftar sebagai pengundi dan ini adalah antara agenda dan tanggungjawab Puteri Umno untuk memastikan mereka itu mendaftar sebagai pengundi," katanya.

Beliau juga berkata tindakan segelintir pelajar dengan parti pembangkang terutama di peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang memutar-belitkan usaha Umno perlu diperbetulkan.

Menurutnya, adalah menjadi tanggungjawab Puteri Umno untuk berusaha memberikan penjelasan di atas kekeliruan dan pembongkaran itu terutama membabitkan golongan remaja supaya mereka benar-benar faham perjuangan parti.

Setakat ini seramai 5,000 orang telah menyertai Puteri Umno di Melaka.

--BERNAMA

MYD SBS ZB

